



TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)

Oleh Lim Wei Wen

PADA tahun 1957, satelit buatan manusia yang pertama, iaitu Sputnik 1, telah berjaya dilepaskan ke angkasa lepas. Selepas kejayaan ini, saintis berusaha untuk membuat penyelidikan tentang teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) demi membawa kemajuan terhadap tamadun manusia. Di Malaysia, masyarakat tidak mengira umur berlumba-lumba untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu tentang TMK.

TMK sebenarnya membawa pelbagai kemaslahatan jika digunakan dengan betul. Antaranya termasuklah TMK dapat menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik. Guru boleh menggunakan teknologi terkini untuk menayangkan filem yang berkaitan dengan pembelajaran dalam bentuk 3D. Dengan cara itu, pelajar dapat meninggalkan suasana pembelajaran yang membosankan.

TMK juga dapat memberikan sumbangan dalam sektor pelancongan. Dengan adanya teknologi moden ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mampu mempromosikan Malaysia di seluruh mayapada ini. Oleh

itu, kadar kemasukan pelancong asing menjadi semakin meningkat. Di samping itu, dengan adanya TMK, pelajar dapat mengetahui maklumat terkini dalam masa yang singkat. Mereka boleh menggunakan kemudahan internet di sekolah untuk menyiapkan kerja sekolah juga dengan bantuan TMK.

TMK turut memberikan sumbangan dalam bidang perubatan. Pada abad ini, doktor dapat menjalankan pembedahan dengan lebih lancar dengan adanya TMK. Sebagai contoh, apabila doktor menggunakan peralatan yang dinamai endoskopi, pembedahan dapat dijalankan dengan lebih lancar kerana terdapat kamera optik di hujung alat itu. Oleh itu, bahagian dalaman badan manusia dapat ditunjukkan pada skrin monitor dan memudahkan pembedahan dijalankan.

Sebagai kesimpulannya, Malaysia mempunyai potensi yang tinggi untuk menjadi maju dalam bidang ini. Teknologi maklumat yang canggih dapat membawa pembangunan yang lebih pesat dan menjadi pemangkin kemajuan negara.

Control No: A000275372

File name: MA/education/2017/EPU2017A02.pdf

Education - Educational IT.
Pg 35